

Thursday, 2 April 2020

PENGGUNA KINI BOLEH BERURUSAN DENGAN SELESA; TANPA SENTUH (CONTACTLESS) BAGI PEMBAYARAN TEMPAT LETAK KERETA PINTAR MENERUSI APLIKASI PENANG SMART PARKING.



Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), masih ramai penduduk di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai yang perlu pergi bekerja setiap hari bagi memastikan semua perkhidmatan kritikal dan penting berjalan dengan lancar.

Bagi mereka yang perlu membuat pembayaran tempat letak kereta, pengguna kini boleh berurusan dengan selesa kerana dapat berurusan tanpa sentuh (contactless) dan dalam masa yang sama turut dapat mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Menerusi aplikasi Penang Smart Parking (PSP), pembayaran untuk tempat letak kereta boleh dilakukan dari dalam kereta pengguna masing-masing.

Aplikasi PSP ini dilengkapi dengan fungsi e-wallet, selaras dengan aspirasi cashless society kerajaan negeri Pulau Pinang. Bukan sahaja pembayaran tempat letak kereta, malah pembelian pas bulanan dan pembayaran kompaun boleh dilakukan menerusi PSP, pada bila-bila masa dan di mana jua pengguna berada. Bukan itu sahaja, PSP juga turut mempunyai ciri-ciri yang membenarkan pihak ketiga (3rd party) untuk membuat pembayaran tempat letak kereta dan menambah baki kredit (reload) ke dalam e-wallet.

Menurut penyedia perkhidmatan ICT global, HeiTech Padu Berhad, selaku pembangun aplikasi pintar PSP, sehingga hari ini lebih kurang 16 peratus daripada penduduk negeri Pulau Pinang, iaitu lebih 290,000 telah memuat turun aplikasi tersebut.

Ia merupakan salah satu daripada usaha kerajaan negeri bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah 'Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa'. Aplikasi itu dibangunkan berlandaskan salah satu inisiatif strategik visi 'Penang2030', iaitu mengintegrasikan perkhidmatan-perkhidmatan majlis bandaraya/kerajaan tempatan dengan teknologi pintar.

Sistem tempat letak kereta pertama di Malaysia yang berteraskan IR4.0, aplikasi PSP ini menggunakan kombinasi teknologi sensor IoT (Internet of Things), sistem pandu arah, cloud dan bayaran secara online.

Untuk maklumat lebih lanjut, pengguna boleh melayari portal rasmi ini di [psp.penang.my](https://www.psp.penang.my). Selain itu, pengguna juga boleh mengikuti laman-laman media sosial rasmi Penang Smart Parking di Facebook di <https://www.facebook.com/penangsmartparking.official/> dan juga Instagram di [@penangsmartparking](https://www.instagram.com/penangsmartparking).

By Penang Kini 13.13

No comments:

Terus Ikuti Kami



Blog Archive

April (271) ▼

Follow by Email

Email address...

Bloggers Voice

[Kamaluddin's Blog \(Portal PakDin.my\)](#)

[Video] J&T Perak nafi mogok – mohon maaf pengagihan barang secara ganas - IPOH – Syarikat perkhidmatan penghantaran barangan J&T Express memohon maaf atas tindakan kakitangannya yang mencampak barang pelanggan seperti dalam video...

[Malaysia Today](#)

Saifuddin Nasution mengapi-apikan isu RUU355 - (Perak Insights) – Setiausaha Agung PKR, Saifuddin Nasution Ismail mempersoalkan mengapa tiada desakan daripada ahli parlimen PAS berhubung pindaan Akta Ma...

[BNBCC – Laman Rasmi Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional Malaysia](#)
Best 2020's Movies Malaysians Watch On Netflix - Time fibre 100mbps home broadband Malaysia 's Movies Malaysians Watch On Netflix 2020 surely has not been nice to us. With the COVID-19 that has been liv...

[Dr MiM](#)



PRU15 : Peluang Terbaik Tapi Semakin Mustahil -

[KL CHRONICLE](#)